

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

**PEKELILING PENOLONG NAIB CANSELOR  
(PEMBANGUNAN)**

---

**Bilangan 2 Tahun 2023**

**PELAKSANAAN PEMAKAIAN POLISI TENAGA DI SELURUH  
KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai pemakaian Polisi Tenaga:

- 1.1 Menetapkan halatuju UiTM dalam menguruskan penggunaan tenaga dengan cekap melalui sistem pengurusan tenaga yang berterusan, berkesan dan menyeluruh untuk diterapkan kepada semua warga UiTM.
- 1.2 Memenuhi keperluan dan kriteria Pensijilan *Energy Management Gold Standard* (EMGS) 1 Bintang di bawah ASEAN *Energy Management Scheme* (AEMAS).

**2.0 LATAR BELAKANG**

Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini:

- 2.1 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 06/2023 pada 15 Februari 2023 telah mengesahkan Polisi Tenaga Universiti Teknologi MARA dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 191/2023 pada 14 September 2023 telah meluluskan Polisi Tenaga Universiti Teknologi MARA yang memenuhi kriteria Pensijilan *Energy Management Gold Standard* (EMGS) di bawah ASEAN *Energy Management System Scheme* (AEMAS).
- 2.2 Polisi Tenaga ini merupakan penyataan komitmen universiti ke arah usaha pelaksanaan pengurusan tenaga. Ianya memberikan fokus yang jelas kepada universiti dan menzahirkan komitmen daripada pihak pengurusan tertinggi seterusnya membudayakan amalan penjimatkan tenaga kepada seluruh warga universiti.

### **3.0 PELAKSANAAN**

Bagi maksud pemakaian pekeliling ini:

- 3.1 Polisi Tenaga Universiti Teknologi MARA akan dikaji semula setiap dua (2) tahun atau apabila diperlukan untuk meningkatkan komitmen dan memenuhi keperluan pengurusan tenaga yang mampan dan berterusan.
- 3.2 Semua Pusat Tanggungjawab dan staf Universiti Teknologi MARA adalah bertanggungjawab mematuhi Polisi Tenaga Universiti Teknologi MARA yang telah ditetapkan. Polisi Tenaga ini hendaklah dipamerkan di lokasi utama sebagai peringatan visual kepada semua warga universiti.

### **4.0 TARIKH DIKELUARKAN**

Pekeliling ini dikeluarkan pada 16 Oktober 2023.

### **5.0 TARIKH KUATKUASA**

Tarikh kuatkuasa adalah 14 September 2023.



**(PROFESOR TS. SR DR. MD YUSOF HAMID, PMP, AMP)**  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan)

*Dikelilingkan Kepada :*

*Semua Timbalan Naib Canselor  
Semua Penolong Naib Canselor  
Semua Pengarah Pusat  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit*

*Bil Fail : 100-PPII (PTA 6/7/3)  
No. Siri : Pekeliling PNC (Pembangunan)*